

# Berita **BANDARAYA**

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)  
Bil.2 Februari 2007/Muharram 1428H - Safar 1428H

ISSN 1675-1873 Naskah Perumahan

D E W A N   B A N D A R A Y A   K U A L A   L U M P U R   D I G I T A L

## MAJU DAN SEJAHTERA



Persembahan warna-warni yang dipertontonkan kepada orang ramai semasa menyambut Hari Wilayah Persekutuan 2007 - Gambar Berita Bandaraya

**B**egitulah tema Majlis Pelancaran Hari Wilayah Persekutuan yang telah berlangsung di Dataran Merdeka pada 1 Februari yang lalu. Ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sama-sama berkumpul di Dataran Merdeka bagi menyaksikan pelancaran yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia. Antara menteri-menteri yang turut hadir ialah Dato' Zulkifli Rafique, Menteri Wilayah Persekutuan dan Dato' Sri Shahizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Perbarisan kali ini bukan sahaja menyaksikan pembalutan pasukan dan ahli-ahli beruniform serta wakil-wakil daripada sekolah-sekolah malah wakil-wakil penduduk daripada Program Perumahan Rakyat (PPR) Bersepadu antaranya PPR Jelatik dan PPR Taman Mulia.



Antara aksi yang dipersembahkan semasa Pelancaran Hari Wilayah Persekutuan yang diadakan baru-baru ini - Gambar Berita Bandaraya

Nostalgia lama juga turut dikenang kembali apabila persatuan vespa serta kereta mini turut sama menyertai perarakatan tersebut.

Selain acara perbarisan oleh kontjen-kontjen, antara yang dipersembahkan adalah persembahan kebudayaan serta seni pertahanan diri. Para tetamu dan orang ramai juga turut dihiburkan dengan persembahan pasukan payung terjun, pertunjukan penyelamat dan motor para-gliding.

# DARI MEJA DATUK BANDAR



A. HAKIM

Pada bulan Februari tahun ini, genaplah 33 tahun usia Wilayah Persekutuan. Sejak penubuhannya, banyak transformasi dan perubahan yang telah berlaku daripada pelbagai aspek. Kuala Lumpur sendiri telah berkembang pesat dan ini telah membawa kepada perkembangan pentadbiran.

Daripada sebuah perkampungan kecil, Kuala Lumpur telah berubah menjadi sebuah pekan dan seterusnya melalui pelbagai transformasi sehingga tertubuhnya Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974.

Sungguhpun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah banyak melakukan usaha penambahbaikan dan menaiktaraf perkhidmatan kepada warga kota, masih banyak lagi langkah-langkah yang telah dirancang dan akan dilaksanakan. Sebagai contoh, DBKL telah menaiktaraf siar kaki di Jalan Masjid Jamek berhampiran dengan stesen LRT bagi keselesaan warga kota seterusnya mengalakkan penggunaan pengangkutan awam di kalangan warga kota. DBKL juga sedang menjalankan usaha-usaha menaiktaraf beberapa taman awam memandangkan taman-taman ini berfungsi sebagai penapis udara selain dapat merendahkan suhu dan menyerap bunyi. Keadaan ini membantu dalam mewujudkan keseimbangan ekologi di samping dapat mempertingkatkan kualiti hidup warga kota.

Penguatkuasaan juga giat dijalankan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga kota terjamin selain berusaha membendung masalah-masalah yang kerap dihadapi oleh DBKL antaranya seperti pencemaran alam, masalah sosial, halangan yang menimbulkan kacau ganggu, peniagaan tanpa lesen serta beberapa masalah lain lagi.

DBKL turut memberi perhatian kepada aspek prasarana dan infrastruktur di kawasan perumahan di Kuala

Lumpur. Atas sebab inilah DBKL telah menetapkan beberapa garis panduan kepada pembuat pemaju agar projek perumahan yang diwujudkan turut mengambil kira aspek-aspek infrastruktur dan kemudahan awam bagi memenuhi keperluan penduduk.

Selain memberi perhatian kepada prasarana dan infrastruktur awam, DBKL juga turut melaksanakan pelbagai program bagi mengalakkan serta menjana ekonomi negara. Contohnya, Kuala Lumpur sekali lagi mengadakan satu larian marathon (*Ambank Kuala Lumpur International Marathon*) seperti yang telah dilaksanakan pada tahun-tahun sebelumnya bagi mengalakkan perkembangan Pelancongan Sukan (*Sport Tourism*) seperti yang diimpikan oleh negara. Bukan itu sahaja, malah DBKL juga turut menganjurkan program-program kemasyarakatan dalam mewujudkan modul insan yang cemerlang seperti mewujudkan Program Nadi selain menganjurkan bengkel melalui Perpustakaan Awam Kuala Lumpur untuk membantu para pelajar menghadapi peperiksaan dan Pusat Rahmat bagi membantu golongan isteri tunggal dalam usaha membantu mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka.

Memandangkan tahun ini adalah Tahun Melawat Malaysia, Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia pastinya menerima lebih ramai pelancong-pelancong asing berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Maka ianya adalah kritikal bagi kita sama-sama menjaga dan menghargai kemudahan-kemudahan yang telah dibina ini. Ini kerana sebagai Ibu Negara Malaysia, sudah pasti kayu pengukur kepada pembangunan dan kemajuan negara akan dinilai berdasarkan keadaan di Kuala Lumpur. Keadaan sekitar Kuala Lumpur ini sekaligus mencerminkan sikap warga kota sendiri. Pastinya selepas 50 tahun mencapai kemerdekaan, kita sebagai warga kota mempunyai sikap bertanggungjawab dan prihatin kepada imej negara dan Kuala Lumpur khususnya.

## Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL boleh kongsikan kepada Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

## Sidang Redaksi

Penasihat: Y. Bhg. Dato' Ab. Hakim Bin Borhan  
Ketua Editor: Y.Bhg. Datuk Hj Salleh Bin Yusup  
Editor: Mohd Sidek Bin Khalid  
Sub-Editor: Nur Diana Bt Md Ghazali  
Jurufoto: Abd. Rhani Bin Md. Shohor  
Md Ismail Bin Isnin

# KONSERT ORKESTRA

Pelbagai acara sambutan telah diadakan sempena menyambut Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2007. Banyak acara yang telah diatur di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri banyak menganjurkan acara-acara sampingan dalam meraikan Hari Wilayah Persekutuan pada kali ini.

Bertempat di Taman Tasik Titiwangsa, satu konsert orkestra telah diadakan di mana antara tetamu-tetamu kehormat yang hadir ialah Y.B. Dato' Zulhasnan Rafique, Menteri Wilayah Persekutuan, Y.B. Datuk Wira Abu Seman b. Yusop, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Y.Bhg. Dato' Ab. Hakim b. Borhan, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Ahli-ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan Pengurusan Tertinggi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Beberapa artis turut membuat persembahan bagi sama-sama memeriahkan konsert orkestra ini. Antara artis-artis yang dijemput ialah Mawi, Farhan, Maya, M. Nasir dan beberapa lagi artis-artis terkemuka tanah air.



Lawak jenaka turut dipersembahkan untuk hiburan orang ramai - Gambar Berita Bandaraya



Antara artis yang dijemput untuk menghiburkan orang ramai - Gambar Berita Bandaraya

#### Talian Kecemasan:

Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa - Aduan Awam (8 pagi sehingga 5 petang)	- 03-2617 9925
Tol Bebas Telekaunseling (24 jam)	- 1800 882 600
Direktorat Penguatkuasaan (24 jam)	- 03-4022 0033 / 4024 4424
Skuad Penyelamat (24 jam)	- 03-4023 1033 / 4023 1133
Unit Kecemasan (24 jam)	- 03-9284 3636 / 3434 / 3433

#### Rakan Cop

Negeri	Hotline
Kuala Lumpur	03-2115 9999
Selangor	03-2052 9999
Perlis	04-971 1999
Kedah	04-739 2999
Pulau Pinang	04-269 1999
Perak	05-240 1999
Melaka	06-285 1999
Johor	07-221 2999
Terengganu	09-635 4999
Kelantan	09-745 0999
Pahang	09-515 1999
Sabah	088-318 555
Sarawak	082-240 800